

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 10 Mei 2016 12:57
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SMK DATO' BIJAYA SETIA SUNGAI PETANI KEDAH TINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN SECARA KONSISTEN



10 MEI 2016 / 03 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

**SMK DATO' BIJAYA SETIA SUNGAI PETANI KEDAH TINGKATKAN KUALITI
PENDIDIKAN SECARA KONSISTEN**



ANJUNG TAMU ONLINE: Dalam melahirkan pelajar yang berilmu dan membentuk keyakinan diri, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Bijaya Setia (SMKDBS), Sungai Petani, Kedah telah mengadakan pogram lawatan Discover UUM yang disertai oleh 40 pelajar tingkatan enam dan 4 guru pengiring.

SMKDBS berpandangan bahawa memberi pendedahan tentang situasi pembelajaran di universiti serta mendapat maklumat kelayakan melanjutkan pelajaran dapat menyuntik minat pelajar untuk berusaha dengan gigih mencapai kejayaan dalam peperiksaan.

Malah, pandangan ini sekaligus menolak perspektif di mana pelajar masih kekal dengan cara pengajaran dan pembelajaran lama iaitu guru mengajar dan murid belajar

semata-mata tanpa sebarang program akademik bagi pendedahan minda di luar sekolah.

Selain itu, usaha SMKDBS mempamerkan kecemerlangan bagi melahirkan pelajar yang berdaya maju mendefinisikan keberkesanan bukan sahaja dari segi kualiti hasil tetapi mereka juga sudah diajar berdikari, berani membahis, memberi idea bernas semasa lawatan di UUM Welcome Centre yang banyak memberi input tentang sebuah universiti pengurusan

Menurut guru pengiring, Norsiah Ahmad, “Taklimat yang diberi amat bermanfaat untuk pelajar mengenali UUM”.

“Layanan yang mesra dan mesra pelanggan”.

Dalam konteks ini, usaha SMKDSB untuk melahirkan modal insan yang serba boleh dan yakin diri akan tercapai dengan pelbagai program yang positif termasuklah lawatan yang mana rata-rata pelajar tersebut merakamkan ucapan terima kasih berpeluang Discover UUM.

“Kami seronok Discover UUM”, kata mereka semasa bergambar beramai-ramai.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

